



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA NO.: JBPMKL 25/2019)

1. Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Tajuk Projek	Kelayakan	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
PENYELENGGARAAN BERKALA LIF KUARTERS BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BUKIT JALIL BAGI TEMPOH 24 BULAN Taklimat dan Lawatan Tapak Kehadiran: Diwajibkan Tarikh: 19.07.2019 (Jumaat) Masa: 9 pagi Tempat: Kwarters Balai Bomba & Penyelamat Bukit Jalil	CIDB Gred G2 ke atas Kategori ME (MEKANIKAL) Pengkhususan M03 (Lift dan Eskalator) dan M15 (Kelengkapan Mekanikal Pelbagai) Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari	Peti Sebut Harga, Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur. Tarikh: 26 Julai 2019 (Jumaat) Masa : 12 tengahari

* Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi semasa taklimat dan lawatan tapak dijalankan.

3. Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **19 Julai 2019 jam 9.00 pagi** di Kwarters Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil. **KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN.**

4. **Sijil Pendaftaran** dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera** dengan PKK (jika ada) yang asal dan masih sah hendaklah ditunjukkan

semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan/atau tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Cawangan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Maharajalela, 50648 Kuala Lumpur pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 26 JULAI 2019 (Jumaat)** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

6. Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi pegawai berikut untuk penjelasan lanjut.

(a) Nama: Ahmad Fairuz Bin Kamsari
Jawatan: Penolong Kanan Penguasa Bomba
No. Tel.: 017 – 749 1393
E-Mel: jawestar85@yahoo.com

(b) Nama: Jalailudin Bin Abdul Mubin
Jawatan: Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil
No. Telefon: +60 19-994 0682

7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat **www.bomba.gov.my**

Diluluskan Oleh:



YS NORDIN BIN PAUZI

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Kuala Lumpur
Tarikh: